



WAHAI WARGA SYAM! AMERIKA SEDANG MENYIAPKAN KERAJAAN PERALIHAN YANG BERACUN, OLEH ITU JANGANLAH KALIAN TERIMA SITUASI INI DI NEGERI KALIAN..

Mac 2013 menandakan genap dua tahun kebangkitan umat Islam di Syam untuk menumbangkan rejim Bashar al-Assad. Sepanjang dua tahun, dunia menyaksikan kekejaman Bashar menyembelih rakyatnya sendiri tanpa rasa belas kasihan sedikit pun. Sepanjang dua tahun, tidak ada seorang pun pemerintah kaum Muslimin dari dunia Islam yang menghulurkan bantuan ke atas warga Syam. Malah sebaliknya, beberapa pemimpin negara umat Islam bersekongkol dengan kuasa penjahat kuffar, Amerika Syarikat dan Eropah di dalam perancangan mereka untuk terus menguasai Syam. Sepanjang dua tahun juga, perjuangan para revolusioner semakin menghampiri kemenangan dengan izin Allah, manakala rejim Bashar pula sudah semakin menghampiri ajalnya. Amerika yang selama ini mendidik dan menjaga Bashar sudah tidak senang duduk. Sebagai ketua kejahatan dunia, Amerika Syarikat semakin menggelupur kerana hingga kini usahanya untuk melantik ejen baru yang boleh diterima oleh warga Syam masih belum membuahkan hasil. Sekiranya Amerika gagal, ia tahu dengan persis bahawa kegagalannya akan pasti membawa padah kepada dirinya sendiri, khususnya apabila para pejuang Syam berjaya mengambil alih pemerintahan dan seterusnya menegakkan Khilafah di bumi yang mulia itu.

Tatkala ini berlaku (berdirinya Khilafah), Amerika sudah tentu faham bahawa ajalnya sudah semakin dekat dan tidak ada apa lagi yang dapat menyelamatkannya. Justeru, dalam usaha meneruskan dominasi dan kehidupannya, Amerika tetap juga berusaha melantik ejennya yang baru untuk menggantikan Bashar yang sudah tidak lagi berguna. AS berharap agar ejennya yang dilantik di luar Syam ini dapat diterima oleh warga Syam khususnya dan dunia amnya. Sehubungan dengan ini, Hizbut Tahrir mengingatkan kaum Muslimin amnya dan warga Syam khususnya akan perancangan jahat Amerika ini dan mendoakan agar para pejuang di jalan Allah di Syam tetap istiqamah di jalan kebenaran. Hizbut Tahrir seterusnya menyeru agar para pejuang yang benar lagi ikhlas ini memberikan *nusrah* (bantuan kekuasaan) kepada Hizb untuk mendirikan Khilafah dan berdoa kepada Allah agar memberikan kemenangan kepada umat Islam. Berikut adalah risalah dari Amir Hizbut Tahrir, Syeikh Atha' Abu Rasytah, kepada warga Syam, yang diterjemah dan disunting dari Bahasa Arab, untuk tatapan kita bersama.

Bismillahirrahmanirrahim

Wahai Warga Syam! Amerika Sedang Menyiapkan Kerajaan Peralihan Yang Beracun, Oleh Itu Janganlah Kalian Terima Situasi ini di Negeri Kalian..

Amerika Juga Sedang Meningkatkan Pembantaian Ke Atas Kalian Agar Kalian Menerima Perancangan Ini.. Maka Balaslah Tipu Daya Mereka Dan Tolonglah (Agama) Allah, Nescaya Allah Akan Menolong Kalian Dan Meneguhkan Kedudukan Kalian

Sesungguhnya subuh itu hadir dengan jelas bagi orang yang memiliki sepasang mata. Apa yang dahulunya tersembunyi, sekarang sudah terang-benderang...Amerika, pada tanggal 13/3/2013 melalui Menteri Luarnya, John Kerry, telah menuntut pembangkang agar berdialog dengan diktator Bashar untuk membentuk kerajaan peralihan! Amerika bekerja cukup keras dan bersungguh-sungguh membentuk kerajaan peralihan dari boneka-bonekanya di luar negeri dan dari dalam rejim, dengan fatwa bahawa tangan-tangan boneka ini tidak pernah berlumuran darah, cuma hanya terkena percikannya sahaja! Hal itu dilakukan agar kerajaan peralihan akan membentuk republik sekular seperti sebelumnya yang disertai dengan "sentuhan baru" sesuai tuntutan keadaan! Maka mereka berkumpul di Kaherah dan di Istanbul secara rahsia dan terbuka, lalu berdialog dan menunda...berdialog dan menunda...

Amerika faham bahawa masalahnya bukanlah masalah pembentukan kerajaan peralihan. Bukanlah suatu yang sulit bagi Amerika untuk mengumpulkan boneka-bonekanya yang boleh memenuhi "beg" pemerintahan, tetapi masalahnya ialah bagaimana agar mereka (boneka-boneka ini) boleh berdiri tegak atau diterima di bumi Syam. Amerika faham bahawa para revolusioner di Syam adalah kaum Muslimin yang memiliki emosi, baik yang pemikirannya mendalam dan cemerlang mahupun tidak. Warga Syam melihat boneka-boneka Amerika di luar negeri dan mendengar mereka menyerukan negara sivil republik sekular. Padahal sistem inilah yang menghasilkan "Bashar" dan yang lainnya, lalu bagaimana mungkin mereka akan menerima kelompok orang yang menyerukan sistem itu? Masyarakat telah merasakan banyak kepahitan dari rejim-rejim diktator ini. Rejim-rejim inilah yang telah membuat

kehidupan mereka diliputi "kegelapan" yang tidak putus-putus...Sungguh masyarakat menginginkan Islam yang terpancar dari akidah mereka. Dengan itulah mereka akan meraih kebahagiaan dan kemuliaan.

Bukan suatu yang rahsia dan tersembunyi bahawa Barat dengan Amerika sebagai pemimpinnya, sudah menggigil gementar kerana (takutkan) Islam dan hukum-hukumnya. Barat menginginkan sistem sekular untuk Syria yang dipimpin oleh pengganti Bashar yang kurang sedikit noda hitam di wajahnya dan kurang sedikit kejamnya, serta kurang menipu dan menyesatkan masyarakat! Namun, dilema sedang mengepung Amerika dari pelbagai sudut. Masyarakat di dalam negeri (Syam) tidak menerima boneka-boneka Amerika (yang dilantik) di luar negeri, lalu bagaimana mungkin mereka boleh menerima boneka-bonekanya dari dalam rejim itu sendiri?! Pengganti Bashar, betapa jauh sekalipun tangan dan lisannya untuk mencapai tujuan, tidak akan mampu memerintah Syam dan hanya mampu mencengkam Syam dari bahagian luarnya sahaja. Kerajaan peralihan yang tidak mendapat persetujuan dari dalam Syam tidak akan mampu untuk menjalankan peranan yang Amerika mahukan, kecuali sekiranya ia dilindungi oleh kekuatan internasional yang mendampingiya. Perkara ini telah lama diketahui namun ia masih belum terealisasi, tetapi kini implikasinya sudah mula kelihatan.

Dahulu Amerika beranggapan - dan anggapan Amerika akan berbalik kepadanya dengan izin Allah - bahawa kekerasan dan kehancuran boleh membuatkan para revolusioner di bumi Syam, pusat Darul Islam, menerima boneka-boneka mereka dengan lapang dada atau bahkan dengan tangan terbuka!...Begitulah, Amerika membekalkan rejim diktator "Bashar" dengan kehidupan, harta dan senjata, melalui barisan hadapannya, Rusia dan rejim di Iran, para *bodyguard* dan

DISKUSI ILMU

"LAHAD DATU: PENYELESAIAN DARI KACAMATA ISLAM"

Tarikh: 24 Mac 2013 (Ahad)

Tempat: Dewan Khilafah, 27A, Tingkat 1, Jln Saujana Indah 4, Seksyen U2, TTDI Jaya, Shah Alam, Selangor

Masa: 9.00 pagi - 1.00 ptg

= Masuk Percuma, Muslimin & Muslimat Dijemput Hadir =

para pengikutnya; dan melalui barisan belakangnya, rejim-rejim di Turki, Iraq dan Lebanon dan termasuk di dalamnya rejim Mesir! Sebahagian orang merasa aneh dan tertanya-tanya, kenapa Rusia dan rejim di Iran merupakan barisan hadapan, sedangkan rejim-rejim di Turki, Iraq dan Lebanon dan termasuk di dalamnya rejim Mesir berada di barisan belakang? Namun, siapa sahaja yang memerhatikan fakta dan situasi ini dengan mendalam, hal itu sudah cukup menjadi jawapan yang rinci dari pertanyaan tersebut! Eropah dan para pengikutnya pula, khususnya Qatar, berjalan di sisi barisan hadapan dan barisan belakang, menunggu-nunggu pintu untuk masuk dan mendapatkan bahagian...jika ini memungkinkan!

Wahai para revolusioner di bumi Syam pusat Darul Islam! Itulah tipu daya kaum kafir imperialis, kaki tangan dan para pengikut mereka. Tipu daya mereka dengan izin Allah akan gagal. Menggagalkan tipu daya mereka dan mengalahkan mereka, merupakan perkara yang sungguh mudah bagi orang yang dimudahkan oleh Allah, iaitu orang yang memahami ayat-ayat Allah yang *muhkam*, memahami dan yakin dengan sirah RasulNya SAW dan dengan jiwa dan raganya mengimani firman Allah SWT, *"Jika kalian menolong (agama) Allah nescaya Allah akan menolong kalian dan meneguhkan kedudukan kalian"* [TMQ Muhammad (47):7].

Namun pertanyaannya adalah, bagaimanakah kita menolong (agama) Allah SWT? Dengan menyeru kepada pemerintahan sivil demokratik republik sekular dan pengibar panji Sykes-Picot yang disebut sebagai bendera kemerdekaan, untuk menyenangkan Barat umumnya dan Amerika khususnya, adakah ini menolong (agama) Allah SWT? Keengganan menyerukan al-Khilafah, tidak mengibarkan panji *al-Uqab*, panji Rasulullah SAW, panji *La ilaha illallah Muhammad Rasulullah* dengan dalih takut memprovokasi dan membuatkan Barat marah, adakah ini menolong (agama) Allah SWT? Meminta bantuan kafir imperialis Barat, bantuan senjata dan harta serta setia kepada negara-negara yang memerangi kaum Muslimin, adakah ini menolong (agama) Allah SWT? Mengatakan ada tahapan dalam penerapan hukum, sehingga arak dihalalkan setahun dan diharamkan setahun, hudud dibiarkan (tidak dilaksanakan) bertahun-tahun, Allah diperangi dengan tersebar nya riba dalam sistem perbankan dan kehidupan perekonomian, adakah ini menolong (agama) Allah SWT? Pengorbanan nyawa dan harta untuk mengganti seorang ejen dengan ejen yang lain tanpa mencabut rejim dari akarnya dan tanpa menegakkan al-Khilafah, adakah ini menolong (agama) Allah SWT?

Sungguh, semua ini bukan menolong (agama) Allah SWT. Kerana itulah, pertolongan dari sisi Allah tidak sampai-sampai dan itulah akibat buruk usaha tangan-tangan manusia dan bukannya janji Allah yang luput. Sesungguhnya janji Allah adalah hak dan benar, *"Dan siapakah orang yang lebih benar perkataan(nya) daripada Allah"* [TMQS an-Nisa' (4):87]. Maka, tolonglah (agama) Allah dengan apa yang Dia cintai. Saat itulah kekuatan kaum kafir imperialis dan ejen-ejen mereka akan kecil di hadapan kalian. Besarnya kekuatan persenjataan mereka tidak akan membahayakan kalian. Hati mereka bergetar dan takut. Tipu daya dan makar mereka tidak akan membahayakan kalian. Di sisi Allah-lah makar mereka akan hancur, meski pun makar mereka mampu melenyapkan gunung-gunung.

Wahai para revolusioner yang benar! Sungguh pemimpin itu tidak akan membohongi warganya dan sungguh Hizbut Tahrir menyeru kalian untuk menolong (agama) Allah dengan benar sehingga Allah menolong kalian dengan hak. Tolonglah (agama) Allah SWT dalam kesatuan dan keteguhan kalian berpegang kepada tali agama Allah seluruhnya, di belakang satu kepemimpinan yang ikhlas, percaya kepada Allah dalam kejernihan dan kemurnian dalam semua amal yang dilakukannya, kepemimpinan yang memurnikan amalnya hanya untuk Allah sahaja. Allah SWT tidak menerima amal yang di dalamnya Dia disekutukan dengan yang lain. Dari Abu Hurairah ra dari Nabi SAW, baginda bersabda, *"Allah SWT berfirman, 'Aku tidak perlu sekutu, siapa sahaja yang menyekutukan Aku, maka untuknyalah (akibat kesyirikannya) sedikit mahupun banyak"* [HR Abu Daud dan ath-Thayalisi di dalam Musnadnya].

Tolonglah (agama) Allah SWT dengan tidak menyenangkan manusia dengan kemurkaannya. Maka janganlah kalian menyenangkan Amerika dengan mengumumkan negara demokrasi sekular. Janganlah kalian menyenangkan Amerika dengan memalingkan muka dari al-Khilafah, kerana takut memprovokasi Amerika dan Barat, takut membuatkan mereka marah. Sebaliknya biarlah mereka mati dengan kemarahan mereka. Sesungguhnya menyenangkan manusia dengan kemurkaan Allah akan mengakibatkan kehinaan dan kerendahan. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang diriwayatkan dari Ibn al-Ja'du dalam Musnadnya dari Aisyah ra, *"Siapa yang menyebabkan keredhaan manusia dengan (menyebabkan) kemurkaan Allah, maka Allah akan mewakili dia kepada manusia. Sebaliknya siapa yang menyebabkan kemarahan manusia dengan keredhaan Allah, maka Allah mencukupkannya dari manusia."*

Tolonglah (agama) Allah yang Maha Kuat lagi Maha Perkasa dengan tekad untuk menegakkan Daulah yang satu iaitu al-Khilafah ar-Rasyidah, untuk menerapkan syariat Allah dalam hal kecil dan besar, dalam masalah muamalah, uqubat, hudud, jihad dan ibadah. Allah SWT berfirman, *"Dan dirikanlah solat"* [TMQ al-Baqarah (2):43]. Allah juga berfirman, *"Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah"* [TMQ al-Maidah (5):49]. Sesungguhnya ketaatan kepada Allah itu tidak boleh berbelah-bahagi, melainkan wajib secara utuh melaksanakan kesemua perintahNya menurut konteksnya sejak permulaan ayat diturunkan lagi. Begitulah yang dilakukan oleh Rasul SAW, teladan kita, di mana baginda menerapkan hukum secara langsung saat turunnya hukum tersebut. Begitu pulalah yang dilakukan oleh Khulafa' ar-Rasyidun di mana mereka menerapkan hukum-hukum Allah ketika membebaskan setiap wilayah tanpa memilih-milih hukum untuk diterapkan dan tanpa menerapkan hukum dengan cara bertahap.

Wahai para revolusioner! Tolonglah (agama) Allah SWT dalam memberikan *nusrah* (pertolongan untuk mendapatkan kekuasaan) kepada Hizbut Tahrir. Hizbut Tahrir dengan izin Allah mampu menegakkan al-Khilafah menurut apa yang seharusnya dan mampu menerapkan hukum-hukum Allah sesuai dengan rancangan (Perlembagaan) yang telah disiapkan oleh Hizb yang *diistinbath* (digali) dari Islam semata-mata dan tidak ada sedikit pun dari yang lain. Hizb memiliki keprihatinan yang tinggi dalam hal kesedaran politik, yang dengan pertolongan Allah, akan mampu menggagalkan makar-makar kaum kafir imperialis dan akan menyebabkan mereka sibuk dengan diri mereka sendiri sehinggalah terjadi pembebasan yang nyata (bagi umat Islam).

Wahai para revolusioner di bumi Syam! Di depan kalian tidak ada jalan ketiga. Jika kalian berjanji untuk menolong (agama) Allah dan bersumpah di hadapannya untuk tetap teguh di atas kebenaran yang agung, maka kalian akan bahagia di dunia dan akhirat. Negara-negara imperialis kafir akan kalah dan ejen-ejen pengkhianat akan terkubur. Darah suci yang ditumpahkan dan pengorbanan agung yang dicurahkan akan menyebut kalian dengan kebaikan...Adapun jika kalian tidak melakukannya dan kalian menerima boneka Amerika, kerajaan peralihan yang akan membentuk negara republik sekular sivil demokrasi, maka darah-darah kalian akan mengadakan kalian kepada Penciptanya dan kalian akan menjadi *"...seperti seorang perempuan yang menguraikan benangnya yang sudah dipintal dengan kuat, menjadi tercerai berai kembali"* [TMQ an-Nahl [16]:92]! Sungguh kami berharap kalian tidak menjadi seperti itu dan Allah melindungi orang-orang yang soleh, *"Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat peringatan bagi orang-orang yang mempunyai hati atau yang menggunakan pendengarannya, sedangkan dia menyaksikannya"* [TMQ Qaf (50):37].

Ingatlah, bukankah kami telah menyampaikan? Ya Allah saksikanlah. Ingatlah, bukankah kami telah menyampaikan? Ya Allah saksikanlah. Ingatlah, bukankah kami telah menyampaikan? Ya Allah saksikanlah.

Hizbut Tahrir

1 Jumadil Ula 1434H / 13 Mac 2013M